

# Pelatih PPB kendalikan Projek Kasih Ramadan



**MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN, YANG BERHORMAT MEJAR JENERAL (B)**  
Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin menyampaikan sumbangan Mini Hamper Kasih Pusat Pembangunan Belia (PPB) kepada seorang anak yatim yang diraikan pada Majlis Projek Kasih Ramadan PPB.

**TANAH JAMBU**, Ahad, 26 Mei. - Perasaan kasih para pelatih Pusat Pembangunan Belia (PPB) kepada golongan-golongan sasaran, khususnya di bulan Ramadan ini telah diterjemahkan dengan menggunakan kemahiran-kemahiran yang telah dipelajari

untuk menyumbang kembali kepada masyarakat dalam satu projek amal, iaitu Projek Kasih Ramadan.

Projek Kasih Ramadan PPB' buat pertama kalinya diadakan tahun ini dengan sokongan daripada rakan-rakan strategik KKBS.

Projek tersebut dihasratkan untuk mendedahkan para pelatih

PPB dalam menyediakan juadah berbuka puasa untuk tetamu-tamu khas yang diundang ke majlis yang berlangsung di Dewan Binadiri, PPB, di sini.

Seramai 60 tetamu terdiri daripada kalangan anak-anak yatim warga PPB, warga Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), dan anak-anak yatim dari Perumahan Kampung Panchor Mangkubau menerima sumbangan berupa 'Nasi Kasih PPB' dan 'Mini Hamper Kasih PPB' yang merupakan hasil produk PPB sendiri melalui kerja bergotong-royong warga dan pelatih-pelatih pusat berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Juga hadir, Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet) Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud, serta Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap KKBS.

Projek tersebut dihasratkan untuk mendedahkan para pelatih

**Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

PPB dengan kerja-kerja kemasyarakatan, terutamanya dalam bulan Ramadan sebagai satu kaedah untuk menggunakan kemahiran masing-masing dalam sama-sama melaksanakan aktiviti-aktiviti amal.

Di samping itu, projek ini juga diharap dapat mengeratkan lagi silaturahim warga PPB dengan rakan-rakan strategik pusat berkenaan yang ikut serta dalam menjayakan projek ini.

Selain melibatkan para pelatih berkemahiran memasak dan

menyediakan pastri, aktiviti amal tersebut akan diteruskan sebagai satu kaedah *social provider* yang berbentuk kemahiran, di mana PPB akan menggunakan kemahiran-kemahiran yang lain sebagai satu produk untuk disumbangkan kepada golongan sasaran di masa akan datang.

Projek tersebut merupakan sebahagian daripada latihan praktikal para pelatih PPB dalam menimba pengalaman sebelum memijak ke alam pekerjaan yang sebenar.



**SETIAUSAHA TETAP (PENTADBIRAN, KEWANGAN DAN ESTET) PENGIRAN MOHAMMAD AMIRRIZAL BIN PENGIRAN HAJI MAHMUD** (TENGAH) MENYAMPAIKAN SUMBANGAN HASIL CIPTAAN PARA PELATIH PPB KEPADA SALAH SEORANG PENERIMA YANG DIRAIKAN PADA PROJEK KASIH RAMADAN PPB.

# Rezeki ibu tunggal menjelang Aidilfitri

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 26 Mei. - Kebajikan golongan yang kurang berasas baik terus mendapat perhatian pelbagai pihak, lebih-lebih lagi dalam persiapan mereka menyambut lebaran Aidilfitri.

Seorang ibu tunggal yang menetap di Kampung Serdang hari ini telah menerima sumbangan daripada Ji Dao

Ge Charity Association.

Sumbangan derma tersebut disampaikan oleh Pengarah Urusan D'Sunlit Sendirian Berhad, Jackson Ting selaku Yang Di-Pertua Persatuan berkenaan kepada penerima, Dayang Nur Hafizah binti Mat Serudin.

Penerima sumbangan merupakan seorang ibu tunggal dan mempunyai empat orang

anak, menerima sumbangan berupa barang-barangan keperluan dapur dan kewangan untuk persediaan beliau meraikan Hari Raya Aidilfitri yang akan diraikan tidak lama lagi.

Ji Dao Ge Charity Association adalah sebuah persatuan orang-orang Cina yang berasal dari Kuala Belait merupakan organisasi bukan Kerajaan (NGO) yang ditubuhkan dengan tujuan untuk membantu mereka yang susah dan memerlukan.

Usaha menghulurkan bantuan ini akan diteruskan dari semasa ke semasa.



**PENGARAH URUSAN D'SUNLIT SENDIRIAN BERHAD, JACKSON TING (TIGA, KIRI) SELAKU YANG DI-PERTUA JI DAO GE CHARITY ASSOCIATION MENYERAHKAN SUMBANGAN KEPADA PENERIMA, DAYANG NUR HAFIZAH BINTI MAT SERUDIN.**

# PENJURU raih manfaat Ramadan



**YANG DI-PERTUA PENJURU, DATIN PADUKA HAJAH SURAYA NORAIIDAH BINTI ABDULLAH (KANAN) MENYAMPAIKAN DERMA KEPADA SALAH SEORANG ANAK YATIM.**

Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Mohd. Zul-Izzu Haji Duraman

**TUTONG**, Ahad, 26 Mei. - Majlis Tadarus Al-Quran 30 Juzuk pada bulan Ramadan bagi Persatuan Jururawat (PENJURU) berakhiri hari ini dengan Majlis Khatam Al-Quran yang diadakan di Kediaman Yang Di-Pertua PENJURU di Kampung Kupang, di sini.

Hadir seterusnya memimpin bacaan Surah Al-Fatiyah pada majlis tersebut ialah Yang Di-Pertua PENJURU, Datin Paduka Hajah Suraya Noraidah binti Abdullah.

Diikuti dengan bacaan Tahliil dan Doa Khatam Al-Quran oleh Awangku Haji Muhd. Azizi bin Pengiran Abdullah manakala Dikir Marhaban daripada pelajar-pelajar Universiti Islam Sultan Sharif Ali

(UNISSA).

Majlis diselajurkan dengan penyampaian sumbangan derma kepada seramai 14 anak yatim terdiri dari anak-anak jururawat dan bidan dari kecempat-empat daerah yang disampaikan oleh Yang Di-Pertua PENJURU.

Acara tersebut merupakan salah satu acara keagamaan yang dikendalikan setiap tahun oleh PENJURU dalam mendekatkan lagi hubungan silaturahim antara persatuan tersebut dengan kumpulan akar umbi PENJURU dan ahli-ahli persatuan berkenaan.

Ia juga bagi meraih kemanfaatan, kerahmatan dan pahala berlipat ganda dalam bulan Ramadan yang mulia ini.